



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

STATUS SIASATAN PENEMUAN OBJEK SUSULAN INSIDEN JATUHAN SERPIHAN ROKET LONG MARCH 5B PADA 31 JULAI 2022

PUTRAJAYA, 2 Ogos 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menggerakkan pasukan siasatan yang terdiri daripada Bahagian Penguasa Angkasa, MOSTI, Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) pada 1 Ogos 2022 bagi membuat penyiasatan awal objek yang disyaki sisa serpihan roket negara China yang jatuh pada 31 Julai 2022.

Siasatan awal dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan menumpukan kepada dua (2) lokasi yang telah dikenal pasti iaitu di Kampung Nyalau, Bintulu dan Kampung Sepupok Lama, Niah, Miri, Sarawak. Siasatan awal ini juga bagi memastikan tiada sebarang unsur radiasi berbahaya yang mungkin dikeluarkan oleh objek yang disyaki, sebelum siasatan selanjutnya dapat dilaksanakan.

Pada pukul 1:45 tengah hari, 1 Ogos 2022, seramai empat (4) orang pegawai AELB daerah Bintulu bersama pasukan Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Polis Diraja Malaysia daerah Bintulu telah menjalankan siasatan di lokasi pertama di Kampung Nyalau, Bintulu, Sarawak.

Berdasarkan ukuran dan hasil siasatan awal mendapati bahawa objek pertama yang disyaki bersaiz sekitar lima (5) inci berkenaan **TIDAK mengeluarkan sebarang radiasi** dan **TIADA unsur radioaktif** dikesan pada objek tersebut. Manakala, ukuran dan hasil siasatan awal terhadap objek kedua yang disyaki di Batu Niah, Miri, turut menunjukkan hasil yang sama iaitu objek disyaki **TIDAK mengeluarkan sebarang radiasi** dan **TIADA unsur radioaktif** dikesan. Kedua-dua objek disyaki adalah selamat untuk dilaksanakan siasatan dan analisis seterusnya.

Untuk langkah selanjutnya, MOSTI melalui MYSA dengan kerjasama Jabatan Kimia Malaysia akan menjalankan siasatan terperinci terhadap kedua-dua objek yang ditemui itu bagi menentusahkan sama ada objek tersebut ada kaitan dengan insiden kemasukan semula (*re-entry*) serpihan (*debris*) roket Long March 5B milik negara China ataupun tidak. Hasil siasatan dan analisis itu nanti akan dimaklumkan dan tindakan sewajarnya akan dipertimbangkan selaras Akta 834 (Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022) dan triti antarabangsa berkaitan angkasa di bawah kendalian *United Nations Office for Outer Space Affairs* (UNOOSA).

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

2 OGOS 2022